

01/05/2004

Keadilan Barat hipokrit: Dr M

By Mohd Fuad Razali

BANGI: Pihak yang terbabit dengan perundangan dan kehakiman diingatkan tidak terpengaruh dengan slogan `rule of law' (pemerintahan mengikut undang-undang) yang dicipta bangsa Eropah, sebaliknya perlu mengutamakan prinsip keadilan dalam pelaksanaan undang-undang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pelaksanaan undang-undang mesti mematuhi konsep dan takrif yang boleh diterima masyarakat pada sesuatu zaman serta nilai yang dipegang sesuatu negara.

Katanya, prinsip pemerintahan mengikut undang-undang tidak semestinya baik dan adil kerana undang-undang yang dianggap baik dan adil pada sesuatu zaman mungkin dianggap keterlaluan pada zaman lain.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri berkata, menjunjung prinsip rule of law secara membuta-tuli akan menyebabkan berlaku ketidakadilan dalam masyarakat serta kesan lain daripada ketidakadilan berkenaan.

"Laungan `the rule of law' yang disarankan oleh orang Eropah mungkin mempunyai tujuan lain. Mereka ingin menunjuk yang orang lain kolot dan tidak faham pentingnya undang-undang untuk kesejahteraan hidup manusia.

"Mereka akan menjadikan tuduhan pemerintahan yang tidak mempunyai undang-undang sebagai alasan bagi mereka bertindak ganas terhadap masyarakat yang dituduh, sebaliknya apabila mereka berdepan dengan keadaan tertentu, mereka tidak segan-segan bertindak di luar undang-undang mereka sendiri.

"Janganlah kita terbawa-bawa dengan slogan tanpa mengambil kira agenda di belakangnya," katanya ketika menyampaikan ucapan balas sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada beliau oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar yang juga Canselor UKM pada majlis konvokesyen khas di kampus universiti berkenaan.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin.

Dr Mahathir berkata, masyarakat manusia tetap memerlukan undang-undang kerana tanpa undang-undang kepincangan akan berlaku yang menyebabkan hidup bermasyarakat tidak aman dan bahagia.

Bagaimanapun, katanya, undang-undang sendiri tidak akan menjamin keadilan.

Katanya, keadilan hanya akan wujud dalam masyarakat yang bertamadun tinggi dan berpegang kepada nilai yang mulia.

"Mereka yang terbabit mendokong keadilan perlu mempunyai sifat tertentu yang mengutamakan keadilan lebih daripada kepentingan lain, terutama kepentingan diri.

"Pendakwa, hakim dan peguam pihak tertuduh perlu ikhlas dan jujur dalam mendengar dan menimbang bukti dan hujah yang dikemukakan. Segala keputusan dan hukuman hendaklah dibuat mengikut undang-undang berkenaan.

"Keadaan ideal seperti ini sukar diadakan, tetapi jika usaha dibuat ke arah itu, maka keadilan mungkin lebih mudah dicapai," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun undang-undang boleh membantu proses mencari keadilan, ia tidak menjamin keadilan dapat dicapai.

Sehubungan itu, katanya, keutamaan boleh diberi kepada undang-undang tetapi ia mestilah adil, dapat dikuatkuasakan oleh pihak penghakiman dengan adil dan memanfaatkan masyarakat.

Walaupun Perlembagaan menentukan hanya badan perundangan boleh membuat

undang-undang, katanya, badan kehakiman yang bertugas membicara dan menjatuhkan hukuman kadang kala tidak senang hati dengan undang-undang yang dibuat dan diluluskan badan perundangan.

Katanya, kadangkala badan kehakiman dengan cara tertentu menidakkan atau melumpuhkan undang-undang serta mencipta kuasa bagi badan itu membuat semakan semula undang-undang menyebabkan hak rakyat membentuk undang-undang melalui wakil yang dipilih dicabul dan diketepikan.

Beliau berkata, undang-undang juga boleh lumpuh dan dinafikan menerusi penafsiran oleh pihak yang terbabit dalam proses penguatkuasaannya.

(END)